



TEKS UCAPAN

YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD ALI

KETUA MENTERI MELAKA

UCAPAN PENGULUNGAN

SEMPENA

PERBAHASAN USUL BAJET NEGERI MELAKA 2022

SEMPENA PERSIDANGAN PERTAMA (KHAS), PENGGAL

PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KE-15 TAHUN 2021

27 DISEMBER 2021 (ISNIN)

MASA: 4.00 PETANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI AYER KEROH, MELAKA

.....

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ
وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ نَاصِرِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ
وَالْهَادِي إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ وَعَلَى آلِهِ حَقَّ
قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيمِ

*Allahumma Solli Ala Saidina Muhammad, Wa Ala Ali
Saidina Muhammad,*

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker,

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,

Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati; dan

Tuan-tuan serta puan-puan, yang tidak dapat saya sebutkan namanya satu persatu, itu tidak mengurangkan hormat saya kepada anda semua, termasuklah kepada mereka yang sedang mengikuti sidang ini, sama ada yang berada di Dewan, mahupun di luar Dewan yang mulia ini, juga mereka yang menonton di media-media sosial seperti di *Facebook live*, diucapkan,

**Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia,**

A-MUQADDIMAH

1. Alhamdulillah, pertama sekali, marilah kita sama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, atas limpah perkenan dan kekuasaanNya jua, maka, dapatlah kita berkumpul dalam Dewan Yang Mulia ini, yang menandakan betapa demokrasi terus berkembang subur di tanah bertuah, Melaka Bandaraya Bersejarah.

2. Hari ini, di petang **Isnin penuh barakah, pada tanggal 27 Disember 2021, bersamaan 22 Jamadil Awal 1443 Hijriyyah,** kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana sekali lagi, saya berpeluang untuk bangun dalam Dewan yang mulia ini, bagi sesi **penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2022, sempena Persidangan Pertama (Khas), Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Melaka Ke-15 Tahun 2021.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

3. Izinkan saya mula ucapan penggulungan ini, dengan memberi setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, 'sahabat-sahabat' saya, baik yang dalam kalangan 21 orang di pihak Kerajaan, mahupun yang bakinya 7 orang, menjadikan jumlah kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Undangan Negeri Melaka seramai 28 orang.

4. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat ‘muka-muka baharu’, yang kali pertama masuk ke Dewan Yang Mulia ini, saya ucapkan tahniah dan *Ahlan Wa Sahlan*, Selamat Datang, Selamat Berkhidmat, dalam Keluarga Besar Melaka di bawah lembayung kerangka Melaka Rumahku.

5. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat ‘orang lama’ atau ‘orang berpengalaman’, marilah kita bekerja dan berkhidmat bersama, ganding-bergandingan, saling bantu-membantu, di antara ‘muka-muka baharu’ dengan ‘orang lama atau berpengalaman’ ini.

6. Paling penting, kita semua adalah Wakil-Wakil Rakyat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang datangnya dari rakyat, dipilih oleh rakyat, bagi berkhidmat untuk rakyat.

7. Justeru itu, berilah khidmat dan *delivery* yang terbaik untuk rakyat. Perjuangkanlah nasib dan kebajikan mereka. Saya yakin, Ahli-Ahli Yang Berhormat mampu melakukannya.

8. Apapun, saya ucapkan tahniah dan setinggi syabas kepada semua Ahli Yang Berhormat sekalian!

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

9. Sepertimana yang semua maklumi, sekitar jam 11.20 pagi tadi, Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, saya telah dapat membentangkan Bajet 2022 Negeri Melaka.

10. Bajet yang bertemakan **‘Stabil Melaka, Makmur Bersama’** yang menekankan **3 Fokus** iaitu **Kesejahteraan Rakyat, Kemampanan Ekonomi dan Kecekapan Tadbir Urus, diikuti 10 Strategi dan 36 Inisiatif**, bertujuan untuk memberi **keselesaan dan kelegaan kepada rakyat**, yang kini berdepan dengan cabaran seperti **bencana banjir, pandemik COVID-19, kesuraman ekonomi dan sebagainya**.

11. Bajet 2022 ini juga, menitikberatkan aspek pemulihan dan kemampanan ekonomi serta meningkatkan kecekapan tadbir urus dalam sistem perkhidmatan dan penyampaian Kerajaan Melaka.

12. Saya berharap agar semua Ahli Yang Berhormat dapat membawa berita baik ini dan membantu kerajaan negeri untuk melaksanakan kesemua inisiatif Bajet 2022 Negeri Melaka yang benar-benar memberi manfaat kepada semua golongan rakyat.

13. Apatah lagi di negara dan negeri ini, yang mengamalkan sistem demokrasi, misalnya di Dewan Yang Mulia ini kita memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, berhujah dan berbahas, selagimana tidak melampauai batas-batas tertentu yang ditetapkan dalam kerangka yang menepati lunas undang-undang, bagi mengupas pelbagai perkara dan isu yang melibatkan hal ehwal kebajikan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

14. Petang ini, saya hanya nak merumuskan tentang aspek kepentingan '**NILAI**'.

15. **Pertama** adalah Nilai Kompetensi yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Dengan adanya nilai kompetensi sebegini KPI dan produktiviti mampu dipertingkatkan dan kerja dapat disiapkan dengan efisien dalam kadar yang segera.

16. Itulah yang cuba dimaksudkan apabila saya memetik kata-kata bestari atau ngobrol daripada Presiden Indonesia, Pak Jokowi. **“Jika bisa dipermudah, mengapa mau dipersusah, jika bisa dipercepat, ngapain harus diperlambat?”**

17. Kerana itu, pada awal Januari, saya telah mengumumkan bahawa tahun ini adalah **“The Year of Implementation”** atau tahu **PE-LAK-SA-NA-AN**, dengan *Tagline* **“Get It Done, Bagi Jadi, Kasi Jadi.”**

18. Itulah nilai kompetensi yang saya mahu kongsi pada petang ini.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

19. **Kedua**, adalah **Nilai Kesetiaan dan Persahabatan**. Kedua-dua nilai ini penting bagi membina jatidiri, kestabilan dan kerukunan di kalangan sesama kita, dalam konteks membina Keluarga Besar Melaka.

20. Kerana seperti saya sebutkan di dalam ucapan Bajet tadi, **“Luka Mendalam terasa di hati. Lebih terluka apabila kita dikhianati”**. Inilah yang mungkin berlaku apabila nilai Kesetiaan dan Persahabatan dirosakkan atau tidak dijaga dengan baik.

21. Jika kedua-dua nilai yang saya sebutkan tadi, ditambahkan lagi dengan nilai-nilai lain seperti Jujur, Amanah, Tanggungjawab, Disiplin dan Keikhlasan. Maka, saya yakin Kerajaan Melaka bakal menjadi Negeri yang kukuh, stabil, makmur dan bahagia.

B-JAWAPAN-JAWAPAN BERKAITAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

22. Saya telah mendengar, meneliti, menganalisa isu-isu, hujah dan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, semasa sesi perbahasan sebentar tadi.

23. Saya fikir, moleklah kiranya, saya mencuba menjawab setiap persoalan diutarakan satu persatu. InsyaAllah.

C - PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

24. Jelasnya, Stabil Melaka Makmur Bersama itu bermakna kita sentiasa teguhkan muafakat, yang berat sama memikul, yang ringan sama dijinjing,

ke gunung sama di daki,...

ke lautan sama direnangi,...

Untuk Memaju Jayakan Melaka Menggamit Dunia sehingga tersohor di persada Antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

25. Akhirul kalam, saya doakan agar Allah SWT akan memberkati kita semua, merahmati rakyatnya, stabil politik dan Kerajaannya, makmur Negerinya, sejahtera Melaka sampai bila-bila.

26. Ayuhlah kita berusaha bersama,... berganding bahu bersama,... bersinergi bersama,... agar Bajet 2022 Negeri Melaka dilaksana dengan jaya,...

Stabil Melaka, Makmur Bersama.

27. ***“Fasabbih Bihamdi Rabbika Waataghfirhu Innahu Kaana Tau-Waaba,...”***

“Maka bertasbihlah dengan memuji Rabb yakni TuhanMu dan mohonlah ampun kepadaNya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima taubat”.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.